



KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

160 PENDUDUK TERIMA GERAN HAK MILIK PENEMPATAN DESA KEDA

KPLB.100-2/1/6 JLD.2 (59)

POKOK SENA, 10 Mei – Impian memiliki rumah kediaman tertunai akhirnya.

Itu kegembiraan berganda bagi 160 peserta Desa Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA) menyambut Aidilfitri tahun ini dan menerima geran hak milik penempatan mereka.

Lebih bermakna bagi mereka apabila geran tersebut diserahkan sendiri oleh Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Seri Mahdzir Khalid dalam satu majlis khas di Dewan Sekolah Menengah Kebangsaan Pokok Sena di sini hari ini.

Penyerahan geran itu melibatkan 3 buah kampung iaitu Desa KEDA Bendang Perang, Desa KEDA Kampung Bukit dan Desa KEDA Derang.

Dalam sidang media selepas majlis itu, Mahdzir berkata, proses pemindahan hak milik dilakukan kepada penduduk selepas membuat penilaian berdasarkan beberapa kriteria dan syarat yang ditetapkan KEDA.

“Antaranya, penghuni di Desa KEDA mesti berdisiplin dan menunjukkan keperibadian yang memuaskan serta tidak melanggar peraturan ditetapkan selain tidak terbabit dengan gejala negatif.

“Jika syarat itu dipenuhi kita akan beri keutamaan untuk mendapat hak milik dimana tanah dan rumah yang dimiliki ini adalah satu aset yang tidak ternilai harganya serta perlu dipelihara untuk diwarisi sehingga anak cucu.”

Tambah Mahdzir, usaha menyerahkan geran hak milik kepada semua peserta Desa KEDA di seluruh Kedah dimulakan pada 2015.

Untuk rekod, KEDA mempunyai 3,862 unit rumah di 44 buah kampung dibawah Program Penempatan Desa KEDA.

Sejumlah 2,778 unit kediaman telah diberikan hak milik oleh KEDA kepada pesertanya.

“Daripada jumlah itu, KEDA telah selesai melaksanakan proses pindah milik sebanyak 838 unit kepada penduduk yang layak manakala baki 1,940 unit lagi akan dilaksanakan dari semasa ke semasa,” kata Mahdzir.

Hadir sama, Pengerusi KEDA, Datuk Dr Ku Abd Rahman Ku Ismail dan
Pengurus Besar KEDA, Kamarudin Abd Akib.

-TAMAT-

#KeluargaMalaysia

#BekerjaBersamaRakyat

DATUK SERI MAHDZIR KHALID

MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

10 MEI 2022

Unit Komunikasi Korporat. | Kementerian Pembangunan Luar Bandar
Tel: 03-8891 5945 Faks: 8888 2367 Email: ukk@rurallink.gov.my



www.rurallink.gov.my



Kementerian Pembangunan Luar Bandar



[kplb_gov](https://twitter.com/kplb_gov)



[kplb_gov](https://www.instagram.com/kplb_gov)



[KPLB_GOV Official](https://www.youtube.com/KPLB_GOV)